

Perlumbaan Perahu Naga Ke-24 20 & 21 Jun 2009 Teluk Likas, Kota Kinabalu



Gegak-gempita perahu naga meluncur di Laut China Selatan mengikut irama paluan gendang Jun ini ketika Perlumbaan Perahu Naga Sabah ke-24. Festival Perahu Naga atau Duan Wu yang berasal dari China dan bermula sejak abad ke-4 ini, jatuh pada hari kelima bulan kelima dalam kalendar lunar Cina. Ketika inilah orang-orang Cina memberikan penghormatan kepada nenek moyang mereka dan memuaskankan Naga (Pengawal Air) bagi memastikan hujan yang cukup untuk menyuburkan tanaman mereka. Perlumbaan ini juga adalah untuk memperingati penyair China, Qu Yan yang terjun ke Sungai Milo untuk membunuh diri. Orang ramai berdayung menaiki perahu untuk mencari mayatnya dan menabur ladu beras ke sungai untuk menenangkan rohnya. Perbuatan menabur ladu atau chung tze ke laut kini menjadi simbol isyarat dan menandakan permulaan acara itu setiap tahun.

Dimulakan oleh Persatuan Kebudayaan China Sabah (SCCA) 23 tahun yang lalu, Perlumbaan ini diletakkan di bawah tanggungjawab Lembaga Pelancongan Sabah pada 1996. Perlumbaan ini kemudiannya berada seketika di bawah penganjuran Kementerian Belia dan Sukan pada tahun 2002 dan 2003 tetapi kini (sejak 2004) kembali dilaksanakan oleh Lembaga Pelancongan Sabah dengan sokongan SCCA.

Pada tahun ini, sekitar 50 pasukan dari dalam dan luar negara dijangka mengambil bahagian, dari dalam dan luar negara, termasuk pasukan dari Brunei, Kalimantan, Singapura dan China. Mereka akan berentap merebut sembilan piala secara keseluruhan.

Perlumbaan Amal yang baharu diperkenalkan adalah kategori unik. Pasukan-pasukan memilih sebuah badan amal untuk diwakili. Nama badan tersebut perlu digabungkan dengan nama pasukan apabila mendaftar untuk acara ini. Semua hadiah wang tunai yang dimenangi pasukan itu akan disumbangkan kepada badan amal masing-masing. Tahun ini, hadiah wang tunai keseluruhan ialah RM43,000. Saringan untuk semua kategori akan berlangsung pada 20 Jun, manakala pusingan akhir akan diadakan pada hari yang berikutnya.

Selangan perlumbaan yang dapat dinikmati ialah persembahan hebat tarian naga dan singa serta 24-gendang Cina. Pada 20 Jun, pengunjung juga boleh menyertai acara pelbagai di Teluk Likas, termasuklah perlawanan bola sepak pantai yang dianjurkan oleh KK Futsal Centre, bersampan anjuran Persatuan Kenu Sabah dan aktiviti berlayar anjuran Kelab Perahu Layar Kinabalu serta Persatuan Perahu Layar Sabah. Datang dan rasai kemeriahannya Jun ini di Teluk Likas! Acara bermula 8:00 pagi.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi Zachary Mobijohn (Setiausaha Penganjur) di talian +6088-232121, faks +6088265540 atau e-mel zachary@sabahtourism.com. Kunjungi laman web <http://dragonboat.sabahtourism.com>

Pameran Permainan Tradisional Setiap Sabtu dan Ahad sepanjang bulan Jun



Daripada rampanau (berjalan bertongkatkan buluh) sehinggalah gasing, banyak permainan tradisional yang boleh disaksikan di Kampung Budaya Monsopiad di Penampang. Setiap hujung minggu, sertailah keseronokan dan permainan orang dulu-dulu. Kembalikan masa lalu, banyak daripadanya memerlukan kemahiran dan ketangkasan serta banyak daripadanya memerlukan gabungan tangan-mata. Semuanya berlaku di Kampung Budaya Monsopiad!

Pameran ini berlangsung dari 9:00 pagi sehingga 5:00 petang. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi penganjur di talian 088-774337/761336 atau e-mel info@monsopiad.com


Abai Jungle Lodge


To Experience it !!!


Let's join our 3 Days 2 Nights Package
(SIA09 or SIA10)




S. I. TOURS SDN. BHD.








TOWN OFFICE (KKCP) 1982)
 Lot 1002-1003, 306 Floor, Wisma Khas Sisk Cheras,
 P. O. Box 1002, 90723 Sandakan, Sabah, Malaysia.
 Tel : +6089-213501, 213503, 223500. Fax : +6089-217607
 E-mail : info@sitourborneo.com / enquiry@sitourborneo.com

AIRPORT OFFICE (KKCP) 3544)
 Lot 1, Ground Floor, Sandakan Airport Terminal
 Tel : +6089-673302. Fax : +6089-673708
www.sitourborneo.com